

Kesalahan Ejaan

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.*

1. Kita sepatutnya berasa bangga pada keunikan yang terdapat di negara ini.

2. Juruhebah radio itu gemar memainkan lagu-lagu balada semasa dia bertugas.

3. Murid lelaki yang sedang berdiri itu adalah kapten pasukan bola sepak sekolah Iqbal.

4. Bidang teknologi maklumat yang dijelajahi oleh anak-anak kini akan melahirkan generasi yang celik IT.

5. Kebanyakan para pelanggan sangat berpuas hati dengan kelazatan makanan di Restoran Fashira.

6. Selepas beberapa tahun menghilangkan diri, Shah tiba-tiba hadir semula di kampung kelahirannya.

7. Pihak berkuasa telah berjaya menyelesaikan beberapa kes-kes pecah rumah dan samun di kawasan perumahan itu.

8. Sumbangan besar cikgu Redzuan kepada sekolah itu ialah dari segi penguasaan murid-murid dalam penulisan karangan.
